


ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2019

Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 mengandungi penyata Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2019 serta laporan program dan prestasi setiap agensi. Laporan tersebut mengandungi struktur program dan aktiviti termasuk objektif, pelanggan, strategi agensi serta prestasi setiap aktiviti yang turut dimuatkan bersama penyata Anggaran Perbelanjaan.

Buku ini juga mengandungi analisa Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2019 mengikut agihan Butiran Perbelanjaan, Objek Am dan Sektor, arah aliran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan serta agihan mengikut Sektor dari tahun 2015 hingga 2019. Manakala bagi setiap Maksud Bekalan, turut ditunjukkan perbelanjaan sebenar dari tahun 2015 hingga 2017, anggaran asal bagi tahun 2018 dan cadangan anggaran 2019.


ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2019

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan yang diperakukan bagi tahun 2019 berjumlah RM316,550 juta. Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan sebanyak RM259,850 juta yang terdiri daripada perbelanjaan Bekalan sebanyak RM194,655 juta atau 61.5% dan perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM65,195 juta atau 20.6% dan Perbelanjaan Pembangunan disediakan peruntukkan sebanyak RM56,700 juta atau 17.9%. Rujuk *Carta I*.




ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM259,850 juta diagihkan mengikut Objek-objek Am merangkumi Emolumen sebanyak RM82,045 juta (31.6%), Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM29,068 juta (11.2%), Aset sebanyak RM673 juta (0.3%), Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM146,330 juta (56.3%) dan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain sebanyak RM1,734 juta (0.6%). Rujuk *Carta II*.



ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM56,700 juta iaitu Cara Langsung sebanyak RM52,681 juta (92.9%), Pinjaman sebanyak RM2,019 juta (3.6%) dan Simpanan Luar Jangka sebanyak RM2,000 juta (3.5%). Rujuk *Carta III*.




ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN MENGIKUT SEKTOR

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Anggaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM259,850 juta diagihkan kepada Sektor-sektor Pentadbiran Am (RM15,744 juta atau 6.1%), Ekonomi (RM15,492 juta atau 6.0%), Sosial (RM91,727 juta atau 35.3%), Keselamatan (RM23,539 juta atau 9.0%) serta untuk Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan (RM113,348 juta atau 43.6%).


Sektor Pentadbiran Am

Sektor Pentadbiran Am disediakan peruntukan sebanyak RM15,744 juta. Daripada jumlah tersebut, diagihkan kepada Perkhidmatan-Perkhidmatan Am (RM13,935 juta), Perkhidmatan Luar Negeri (RM542 juta) serta Bayaran Balik dan Bayaran Ganti (RM1,267 juta). Sila rujuk *Carta IV*.




Sektor Ekonomi

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Sektor Ekonomi berjumlah RM15,492 juta, diagih kepada sembilan (9) sektor kecil, iaitu Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (RM3,243 juta), Pembangunan Sumber-Sumber Galian (RM105 juta), Perdagangan dan Perindustrian (RM2,946 juta), Pengangkutan (RM5,811 juta), Perhubungan (RM95 juta), Tenaga dan Kemudahan-Kemudahan Awam (RM310 juta), Penyelidikan dan Pembangunan (RM637 juta), Kewangan (RM2,218 juta) serta Alam Sekitar (RM127 juta). Sila rujuk *Carta V*.



Sektor Sosial

Sektor Sosial disediakan peruntukan sebanyak RM91,727 juta di mana ia dipecahkan kepada Pendidikan dan Latihan (RM56,017 juta), Kesihatan dan Kependudukan (RM26,736 juta), Penerangan dan Penyiaran (RM1,067 juta), Perumahan (RM11 juta), Kebudayaan, Belia dan Sukan (RM684 juta), Majlis-majlis Tempatan, Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat (RM3,774 juta), Pembangunan Kampung dan Masyarakat (RM271 juta) serta Kebajikan Masyarakat, Perpaduan Negara dan Orang Asli (RM3,167 juta). Sila rujuk *Carta VI*.




Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan disediakan peruntukan sebanyak RM23,539 juta di mana sebanyak RM10,270 juta daripada jumlah tersebut untuk Pertahanan dan sebanyak RM13,269 juta untuk Keselamatan Dalam Negeri seperti di *Carta VII*.




Sektor-sektor Lain

Baki Anggaran Perbelanjaan Mengurus disediakan untuk Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan berjumlah RM113,348 juta. Tanggungan Tertentu diperuntukkan sebanyak RM59,748 juta bagi tujuan pembayaran Pencen dan Ganjaran (RM26,528 juta), Perkhidmatan Hutang Negara (RM33,000 juta) dan Tanggungan-tanggungan Lain (RM220 juta). Sila rujuk *Carta VIII*.



Bayaran Pindahan diperuntukkan sejumlah RM53,600 juta di mana sebanyak RM2,551 juta adalah untuk Pemberian dan Pinjaman Kepada Negeri, RM38,080 juta untuk peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun, RM107 juta untuk Caruman Lain dan RM12,862 juta bagi Bayaran Pindahan Lain. Sila rujuk *Carta IX*.




Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM56,700 juta diagihkan kepada beberapa sektor utama, iaitu Sektor Pentadbiran Am (RM3,200 juta atau 5.6%), Sektor Ekonomi (RM29,235 juta atau 51.6%), Sektor Sosial (RM15,183 juta atau 26.8%), Sektor Keselamatan (RM7,082 juta atau 12.5%) dan Peruntukan Simpanan Luar Jangka (RM2,000 juta atau 3.5%).


Sektor Pentadbiran Am

Sektor Pentadbiran Am disediakan peruntukan sebanyak RM3,200 juta. Daripada jumlah tersebut diagihkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Am (RM2,825 juta) dan Pembaikan dan Pengubahsuaian (RM375 juta). Sila rujuk *Carta X*.




Sektor Ekonomi

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Sektor Ekonomi berjumlah RM29,235 juta diagihkan kepada 11 sektor kecil, iaitu Pertanian (RM2,278 juta), Pembangunan Sumber-sumber Galian (RM39 juta), Perdagangan dan Perindustrian (RM5,721 juta), Pengangkutan (RM13,388 juta), Perhubungan (RM90 juta), Tenaga dan Kemudahan-kemudahan Awam (RM2,847 juta), Kajian Kemungkinan (RM35 juta), Penyelidikan dan Pembangunan (RM590 juta), Tenaga (RM1,742 juta), Kewangan (RM371 juta) dan Alam Sekitar (RM2,134 juta). Sila rujuk *Carta XI*.




Sektor Sosial

Sektor Sosial disediakan peruntukan sebanyak RM15,183 juta, iaitu diagihkan kepada Pelajaran dan Latihan (RM8,287 juta), Kesihatan dan Kependudukan (RM2,257 juta), Penerangan dan Penyiaran (RM111 juta), Perumahan (RM1,652 juta), Kebudayaan, Belia dan Sukan (RM370 juta), Majlis-majlis Tempatan, Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat (RM748 juta), Pembangunan Kampung dan Masyarakat (RM1,309 juta), Pembelian Tanah (RM19 juta) dan Kebajikan Masyarakat, Perpaduan Negara dan Orang Asli (RM430 juta). Sila rujuk *Carta XII*.



Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan disediakan peruntukan sebanyak RM7,082 juta, iaitu sebanyak RM3,737 juta bagi Pertahanan dan sebanyak RM3,345 juta bagi Keselamatan Dalam Negeri seperti di *Carta XIII*.




Simpanan Luar Jangka

Sejumlah RM2,000 juta disediakan di bawah peruntukan Simpanan Luar Jangka bagi membiayai projek pembangunan yang memerlukan peruntukan tambahan di luar jangkaan.


Tonggak Dasar Rancangan Malaysia Ke-11

Pecahan Agihan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2019 mengikut 6 Tonggak dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) adalah seperti di *Carta XIV*.



ARAH ALIRAN PERBELANJAAN MENGURUS 2015 – 2019

Bagi tempoh 2015 – 2019, arah aliran Perbelanjaan Mengurus (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) meningkat dari RM219,089 juta pada tahun 2015 kepada RM259,850 juta pada tahun 2019. Rujuk *Carta XV*.




ARAH ALIRAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2015 – 2019

Arah aliran Perbelanjaan Pembangunan bagi tempoh 2015 hingga 2019 menunjukkan trend turun-naik seperti *Carta XVI*. Ini kerana Perbelanjaan Pembangunan adalah berdasarkan kepada trend pelaksanaan projek/program di bawah RMKe-10 (2015) dan RMKe-11 bagi tahun 2016 hingga 2019.




PERBELANJAAN MENGURUS 2015 – 2019 MENGIKUT SEKTOR

Perbelanjaan Mengurus dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran Am, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Bagi tempoh 2015 – 2019, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada Sektor Sosial iaitu sebanyak 38.0% diikuti oleh Tanggungan Tertentu sebanyak 22.3%. Sektor-sektor lain menerima peruntukan seperti di *Carta XVII*.



PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2015 – 2019 MENGIKUT SEKTOR

Perbelanjaan Pembangunan dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran Am, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta untuk Peruntukan Simpanan Luar Jangka. Bagi tempoh 2015 – 2019, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada dua (2) sektor iaitu Ekonomi dan Sosial yang mencecah 81.7%. Sektor-sektor lain menerima peruntukan 18.3%. Sila rujuk *Carta XVIII*.



(Muka surat ini dibiarkan kosong)